

08/10/2001

Ong dakwa mungkin turut jadi sasaran

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat, tidak menolak kemungkinan beliau akan turut menjadi sasaran balas dendam Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Malah, Ong yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan mendakwa Dr Ling mahu beliau dan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, digugurkan daripada Kabinet.

Beliau berkata, ura-ura mengenai kemungkinan itu sudah tersebar luas sejak Chua yang juga Naib Presiden MCA, dilucutkan jawatan selaku Pengerusi Perhubungan MCA Kedah, Selasa lalu.

"Kami tidak dapat menghalang Dr Ling berbuat demikian kerana beliau berhak melakukannya. Tetapi persoalannya ialah sama ada tindakan itu memberi faedah atau padah buruk kepada parti," katanya ketika dihubungi hari ini.

Bagaimanapun kata beliau, jawatannya selaku Ketua Pemuda MCA dipilih ahli parti dan bukan dilantik Presiden.

"Dia hanya boleh memecat saya terus daripada MCA. Jika beliau berbuat demikian, saya akan hanya berserah kepada maha kuasa," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa penentangannya terhadap Presiden MCA cuma berkisar mengenai isu pengambilalihan Nanyang Press, dan bukan hendak merebut jawatan tertentu menjelang pemilihan parti Jun atau Julai tahun depan.

"Kami bercakap yang benar. Kami sekadar menyuarakan penentangan terhadap pengambilalihan Nanyang Press," katanya mengulas kontroversi baru dalam MCA berikutan pengguguran Chua sebagai Pengerusi MCA Kedah.

Selasa lalu, Dr Ling mengumumkan pelantikan bekas Setiausaha MCA negeri itu, Datuk Beh Heng Seong, menggantikan Chua. Keputusan itu mendapat bantahan kumpulan yang diketuai Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek.

Lim mendakwa keputusan Dr Ling itu sebagai tindakan membalas dendam selepas Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) Jun lalu yang diadakan bagi menyelesaikan isu pengambilalihan Nanyang Press.

Bagaimanapun, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan, menafikan tindakan itu sebagai usaha membunuh kerjaya politik Chua, sebaliknya berkata perubahan yang dilakukannya adalah perkara biasa dan atas kehendak majoriti ahli MCA Kedah yang mahukan anak tempatan menyandang jawatan itu. Chua adalah dari Johor dan Ahli Parlimen Bakri.

Dr Ling juga berkata, beliau tiada kuasa untuk menentukan kedudukan Chua dalam Kabinet kerana pelantikan seseorang menteri adalah hak mutlak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)